

**TEKS UCAPAN  
YBHG. KOL. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN AMPON  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
BENGKEL PEMANTAPAN PASCASISWAZAH 2010**

**BERINGIS BEACH RESORT, KINARUT, PAPAR  
AHAD, 8 OGOS 2010  
12.00 TENGAHARI**

---

Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Tuan Hj. Rizal Othman  
Bendahari UMS

Yang Berusaha Profesor Madya Datin Dr. Mariam Abd Latip  
Dekan  
Pusat Pengajian Pascasiswazah

Ahli-Ahli Senat

Dekan-dekan dan Pengarah-pengarah

Tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertama sekali, Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, Bengkel Pemantapan Pascasiswazah 2010 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya pada hari ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah selaku urus setia bengkel ini atas usaha dan dedikasi mereka dalam memastikan kelancaran perjalanan bengkel ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan syabas kepada ahli-ahli senat, dekan-dekan, pengarah-pengarah, dan penyelarapenyelaras program pascasiswazah selaku peserta bengkel yang telah turut serta dalam menjayakan objektif bengkel ini. Sewajarnya, bengkel ini harus diteruskan dan dijadikan acara tahunan bagi membolehkan pelaksanaan pengajian pascasiswazah di universiti ini terus unggul setanding dengan universiti-universiti lain yang lebih senior.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pengajian Pascasiswazah merupakan salah satu saluran utama dalam mencapai misi UMS untuk menjadi sebuah universiti yang berinovatif dan bertaraf dunia.

Peranan Penyelia dan juga Sekolah / Pusat / Institut amat penting dalam membantu Pusat Pengajian Pascasiswazah melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan. Adalah sangat penting bagi setiap penyelia mengetahui akan tanggungjawab mereka beserta akauntabiliti yang diberikan bagi mengelakkan pelanggaran kod etika yang ditetapkan. Perkara ini dilihat begitu kritikal dan perlu dititikberatkan sepanjang tempoh pengajian pelajar Pascasiswazah di universiti ini. Untuk itu, pihak Pusat Pengajian Pascasiswazah telah berada di landasan yang betul dalam memastikan para penyelia

mengetahui tugas dan tanggungjawab mereka melalui garis panduan yang telah diwujudkan menerusi bengkel ini.

Sehubungan itu, Pusat Pengajian Pascasiswazah akan sentiasa memastikan kualiti pelajar dan graduannya di tahap yang membanggakan bagi mendukung misi universiti ini seterusnya ke arah keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan kepada para pelajar.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta bengkel di atas komitmen serta sumbangan dalam bentuk percambahan idea untuk menjayakan bengkel ini. Saya berharap bengkel selama tiga (3) hari ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu ke arah memantapkan dan memperkasakan pengajian Pascasiswazah UMS.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan Penutupan Bengkel Pascasiswazah tahun 2010.

Sekian, terima kasih.